

TEROKAI GANJARAN TAHUN BAHARU YANG LUAR BIASA DENGAN TAWARAN TERKINI BANK ISLAM

*Ganjaran eksklusif dan perkhidmatan menarik untuk
pelanggan mewah (Premier Wealth)*

KUALA LUMPUR, Ahad, [19 Januari 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) memperkenalkan Kad Kredit-i Mastercard World Premier Wealth sebagai sebuah simbol kemewahan dan kecanggihan. Direka untuk memenuhi cita rasa khas pelanggan mewah (Premier Wealth), kad kredit eksklusif hanya melalui jemputan ini menyediakan gabungan unik keistimewaan dan manfaat yang kompetitif.

Sebagai tanda penghargaan kepada para pelanggan kad mewah atas sokongan dan kepercayaan mereka, Bank menyediakan ganjaran 5,000 mata Enrich kepada 200 pelanggan terawal yang memohon dan membuat perbelanjaan bernilai minimum RM500 sebelum 31 Mac 2025. Kad ini direka untuk meningkatkan gaya hidup pelanggan mewah kami, meliputi pengecualian yuran tahunan seumur hidup hingga ganjaran TruPoints yang menarik.


Pemegang kad boleh menikmati pelbagai manfaat eksklusif termasuk:

- 5X akses di lebih 200 ruang istirahat Plaza Premium di 37 negara di seluruh dunia pada setiap tahun.
- Ganjaran kesetiaan TruPoints yang menarik:
 - 3x TruPoints bagi transaksi tanpa sentuh dan petrol.
 - 2x TruPoints untuk perbelanjaan di kedai fizikal di luar negara
 - RM1 tanpa had = 1 TruPoints untuk sebarang perbelanjaan runcit
- Perlindungan Kemalangan Perjalanan sehingga RM2 juta.
- Perlindungan Takaful Keluarga bernilai sehingga RM100,000.
- Tiada caj kompaun kewangan.
- Faedah eksklusif melalui *Mastercard Priceless Offers* termasuk diskaun untuk perjalanan global dan pengalaman unik melalui platform <https://www.priceless.com/>

Pemegang kad boleh menggunakan mata TruPoints terkumpul untuk sebarang pembelian mudah dan pantas di lebih 100 juta saudagar yang menerima Mastercard di Malaysia dan seluruh dunia melalui aplikasi mudah alih Pay with Rewards™, sebuah platform yang mudah digunakan untuk menjelaki ganjaran dan menguruskan pilihan pelanggan.

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Runcit Kumpulan Bank Islam, Mizan Masram, berkata, "Sebagai peneraju perbankan Islam Malaysia, Bank Islam komited untuk menyediakan penyelesaian kewangan patuh Syariah komprehensif bagi memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berkembang. Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard World Premier Wealth mencerminkan komitmen kami terhadap perkhidmatan unggul dan sokongan berterusan dalam menyokong perjalanan kewangan pelanggan. Dengan mengintegrasikan perkhidmatan pengurusan kekayaan Bank Islam, kami memastikan pengalaman yang lancar dan memuaskan bagi pelanggan Perbankan Mewah kami."

Kad ini direka khas untuk pelanggan dengan Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) sebanyak RM250,000.



Bank Islam menyasarkan untuk meningkatkan pengurusan kekayaan dan portfolio kadnya sebanyak 10% pada tahun 2025 melalui pengenalan Kad Kredit-i Mastercard World Premier Wealth Bank Islam.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.